



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN HAJI SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN
MOHD NOOR
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 2/2021**

26 FEBRUARI 2021, JUMAAT

**09:00 PAGI SECARA DALAM TALIAN
(APLIKASI ZOOM)**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato'
Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.2/2021 bagi bulan Februari** pada pagi yang berbahagia ini.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

2. Untuk makluman, sehingga 31 Januari 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM9.25 juta (17.13%) daripada RM54juta.
3. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM703 ribu (8.63%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15juta.
4. Kaunter bayaran di ibu pejabat dan cawangan Rawang akan dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum sepanjang bulan Februari 2021. Tempoh bayaran cukai taksiran bagi penggal 1/2021 akan berakhir pada 28 Februari 2021 dan caj lewat RM20.00 akan dikenakan bermula 1 Mac 2021.

5. Bermula bulan Julai 2020 yang lalu, MPS telah memperkenalkan bil digital kepada semua pemilik harta di MPS. Semua pemilik harta diminta untuk membuat pendaftaran maklumat bagi menerima bil digital melalui aplikasi MyMPS.gov.my. Untuk makluman, sehingga tarikh hari ini, sebanyak 19,256 pegangan individu dan 758 syarikat telah membuat pendaftaran melalui aplikasi MyMPS.

KEMPEN DAFTAR, BAYAR DAN MENANG CUKAI TAKSIRAN 2021

6. Pemilik harta yang membuat pendaftaran dan pembayaran cukai taksiran akan melayakkan anda menyertai cabutan bertuah yang hanya tinggal lagi dua hari iaitu tarikh akhir bagi kempen ini ialah pada 28 Februari 2021. Pelbagai hadiah lumayan sedang menanti pemenang yang bertuah seperti sebuah kereta Perodua Axia, enam buah motosikal, tujuh unit televisyen dan pelbagai peralatan elektrik. Maklumat cabutan bertuah boleh didapati di laman web MPS. Untuk makluman, majlis penyampaian hadiah bagi

Kempen Bayar dan Menang ini akan diadakan pada 27 Mac 2021.

KAJI SELIDIK DAN MAKLUM BALAS UNTUK BELANJAWAN MPS 2022

7. Dimaklumkan juga, MPS sedang dalam proses menyediakan satu kaji selidik belanjawan MPS 2022 untuk mendapatkan maklum balas daripada seluruh masyarakat Selayang. Maklum balas ini diperlukan bagi memastikan belanjawan yang bakal dirangka dapat memenuhi keperluan *stakeholder* dan disediakan secara komprehensif.
8. Oleh itu, saya ingin mengajak orang ramai untuk mengemukakan cadangan dan maklum balas melalui borang dalam talian mulai 1 hingga 21 Mac 2021. Sebarang maklumat lanjut boleh didapati di laman sosial MPS dan di laman web MPS di www.gov.my.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

MAJLIS PELANCARAN LOGO JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) ZON MPS DAN PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA BEKAS AHLI MAJLIS MPS

9. Selepas selesainya mesyuarat penuh pada pagi ini, Majlis Pelancaran Logo Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon MPS akan diadakan secara dalam talian. Pertandingan mencipta logo ini telah menerima sebanyak 20 penyertaan.
10. Syabas dan tahniah kepada semua pemenang yang telah merekacipta logo yang kreatif ini dan ucapan terima kasih juga kepada semua peserta yang telah menunjukkan bakat dan kreativiti dengan menyertai pertandingan ini.
11. Pada majlis yang sama, akan diadakan Majlis Penghargaan kepada Bekas Ahli Majlis Sesi 2018-2020 yang tidak dilantik semula. Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada bekas Ahli Majlis yang telah berkhidmat dan telah banyak membantu MPS memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk warga Selayang. Saya mohon kepada semua Ahli Mesyuarat untuk terus berada di dalam talian bagi mengikuti program ini.

TAKLIMAT JABATAN KEPADA AHLI MAJLIS MPS 2021-2022

12. Untuk makluman semua, bermula 5 Februari yang lalu, enam jabatan telah menyampaikan Taklimat Jabatan kepada Ahli-Ahli Majlis MPS 2021-2022. Empat belas jabatan lagi akan memberi taklimat ini secara berperingkat kepada semua Ahli Majlis.

13. Saya berharap dengan taklimat yang telah dan akan diberikan oleh pengarah-pengarah jabatan ini dapat membantu Ahli-Ahli Majlis untuk memahami fungsi jabatan, bidang kuasa, akta yang diguna pakai mahupun proses kerja di jabatan dan lain-lain lagi. Semoga dengan adanya taklimat ini dapat memudahkan Ahli-Ahli Majlis untuk menjadi 'jambatan penghubung' antara MPS dan masyarakat dan memahami matlamat mahupun rasional sesuatu tindakan yang diambil oleh jabatan.

14. Taklimat ini juga diharapkan menjadi pemangkin kepada kerjasama yang lebih erat antara Ahli Majlis dan pengurusan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih

cemerlang kepada penduduk dalam kawasan pentadbiran MPS.

PERTANDINGAN TANDAS BERSIH PREMIS MAKANAN KATEGORI RESTORAN PERINGKAT MPS 2021

15. Di kesempatan ini, saya juga ingin memaklumkan bahawa MPS akan mengadakan Pertandingan Tandas Bersih Premis Makanan Kategori Restoran peringkat MPS. Saya menyeru semua premis makanan kategori restoran untuk menghantar penyertaan kepada pihak urusetia pertandingan bermula 1 hingga 31 Mac 2021.

16. Proses pemeriksaan dan penjurian di premis-premis yang dipertandingkan akan diadakan dari 1 April hingga 30 Jun 2021. Pertandingan ini adalah sebagai salah satu usaha membudayakan penjagaan tandas yang bersih, selamat dan selesa di premis-premis perniagaan.

17. Untuk makluman, pertandingan ini menawarkan hadiah berupa wang tunai iaitu:

Tempat pertama : RM1,000.00

Tempat kedua : RM700.00

Tempat ketiga : RM500.00

Untuk maklumat lanjut serta syarat pertandingan, sila layari www.mps.gov.my atau hubungi Bahagian Kesihatan Awam, JPSPK MPS.

PEMATUHAN SOP COVID-19

18. Kita masih lagi dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Justeru, saya ingin mengingatkan kepada semua pihak untuk sentiasa mematuhi SOP yang telah digariskan dengan memakai pelitup muka dengan betul, menjaga jarak fizikal, menggunakan *hand sanitizer* dan kekerapan membasuh tangan.

19. Saya berharap kita semua dapat mematuhi dan mengikuti langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam mengekang wabak Covid-19 ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh